

Pengurusan tentukan untung rugi

B.H 30 JUN 1989

KEMAMAN, Khamis — Kejayaan atau kegagalan industri berat negara bukan kerana dasar tetapi keberkesanan pengurusannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ini jelas dilihat dalam kejayaan Proton mencatatkan keuntungan tahun lalu dan pemulihan Perwaja Terengganu Sdn Bhd, selepas diambil alih oleh pengurusan baru.

Perdana Menteri berkata, ini menunjukkan kegagalan kedua-dua projek itu sebelum ini bukan kerana dasar tetapi masalah pengurusan.

Katanya, apabila pengurusan baru mengendalikan Proton, ia mencatat keuntungan \$32 juta tahun lalu, walaupun sebelumnya, ia mengalami kerugian.

Perwaja Terengganu Sdn Bhd juga, melalui pengurusan baru, semakin maju dan berdaya meningkatkan pengeluaran, katanya ketika merasmikan Wisma Waja di kilang Perwaja Terengganu Sdn Bhd, dekat sini hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, eksekutif muda di perbadanan industri berat perlu belajar daripada pengurusan baru yang ditempatkan di situ yang berjaya membawa keuntungan kepada perbadanan kerajaan itu.

Katanya, rakyat tidak harus malu untuk belajar, terutama mengenai bidang pengurusan, yang mereka agak kurang mahir.

"Kita sedar kita tiada pengetahuan tetapi (kita) tidak harus malu... yang (patut) dimalukan ialah jika kita tidak sanggup belajar dan manusia yang tidak sanggup belajar akan mundur," katanya.

Menurutnya, dalam usaha mendapatkan pengetahuan, soal siapa 'guru' tidak harus diambil kira selagi guru itu cekap dalam bidangnya.

"Bila tiada ilmu mengenai industri berat, kita perlu belajar daripada mereka yang mahir mengenainya," kata beliau.

Katanya, kerajaan sedar mengenai kritikan terhadap industri berat negara oleh mereka yang mendakwa dasar itu tidak sesuai dengan negara ini.

Bagaimanapun, katanya, pihak berkenaan harus mengkaji terlebih dahulu apa yang sebenarnya tidak sesuai - dasar atau pelaksanaannya.

"Dasar kita sesuai tetapi untuk menjayakannya kita perlu tahu bagaimana hendak melaksanakan dasar itu dengan berkesan," katanya.